

PENGUCAPAN DAKWAH

Kajian Ringkas Tentang Pengucapan Dakwah Datuk Syeikh Hj Baderudin Ahmad

1. Pengenalan

Kajian pengucapan dakwah terhadap tokoh amat penting dalam usaha memperbanyakkan koleksi pengalaman, teknik dan gaya yang berkesan serta persediaan bagi panduan generasi pendakwah akan datang. Pengucapan dakwah yang diadaptasi dari sunnah Rasulullah s.a.w melalui saluran al-qaul dan taqirir adalah kemahiran utama yang perlu ada pada setiap pendakwah. Malah, menurut Imam al-Maududi, Islam mewajibkan setiap umatnya memahami konsep tabligh (menyampaikan) berdasarkan ayat pertama di dalam al-Quran iaitu iqra' (membaca) dalam maksud perkataan.

Justeru, penulis berminat untuk mengkaji tentang pengucapan dakwah Datuk Syeikh Hj Baderudin Ahmad secara ringkas. Kajian ini merangkumi aspek sejarah hidup, persiapan, persembahan dan keberkesanan pengucapan tokoh. Penulis turut mendengar ucapan dakwah tokoh secara langsung dan audio selain menemubual tokoh sendiri.

2. Sejarah Hidup

¹Nama beliau ialah Baderudin bin Hj Ahmad. Beliau dilahirkan di Kampung Hutan Palas, Kodiang, Kedah pada tahun 1947. Bapanya, Syeikh Ahmad merupakan seorang guru agama yang mempunyai pusat pengajian Islam berorientasikan pondok bernama Sekolah Islam Nahdhah Wataniah. Manakala ibunya seorang surirumah yang sangat menitik-beratkan pendidikan Islam kepada anak-anaknya. Syeikh Baderudin merupakan anak ketiga daripada enam orang adik-beradik yang kesemuanya adalah lelaki.

Pendidikannya bermula di Sekolah Kebangsaan Kodiang sehingga tahun empat sebelum meneruskan pengajian dalam aliran agama di sekolah bapanya. Manakala pengajian menengahnya bermula di sekolah menengah Agama Alawiah, Arau dan Qismu Tafaqquh Fiddin di Kelantan. Selama enam tahun, beliau mendalami ilmu agama di Masjid Muhammadi, Kelantan sebelum meneruskan pengajian di peringkat ijazah di Pusat Ilmu Nahdatul Ulama, India selama tiga tahun dalam bidang Hadis dan Tafsir. Kesungguhan beliau dalam bidang ilmu Hadis dan al-Quran diteruskan di Universiti al-Azhar, Mesir selama 8 tahun.

Antara guru-guru yang banyak mempengaruhi kehidupannya ialah Allahyarham Dato' Haji Mohd Noh Ibrahim, bekas mufti Kerajaan Kelantan, Maulana al-Alamah Syeikh Abu Hasan Ali al-Hasani al-Nadawi dan bekas Rektor

¹ Temuramah Syeikh Baderudin pada 16 Februari 2006

Universiti Al-Azhar, Prof Dr. Ahmad Umar. Beliau memulakan kerjayanya sebagai pendidik pada tahun 1968 di sekolah bapanya yang ditukar nama kepada Maktab Pendidikan Islam. Di samping menjadi pengetua di sekolah tersebut, Syeikh Badrudin turut dilantik menjadi pensyarah kanan dan Dekan di Fakulti Usuluddin, Institut Pengajian Islam Negeri Kedah (INSANIAH) sehingga kini.

Kesungguhannya dalam bidang ilmu dakwah menyerlahkan ketokohan beliau untuk bergelar tokoh pendakwah di Malaysia. Beliau merupakan ahli jawatankuasa Fatwa Kerajaan Negeri Perlis dan Kedah selain menjadi ahli penasihat Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) dan Majlis Zakat Negeri sehingga kini.

Bakatnya dalam bidang pengucapan dakwah terserlah sejak umur 12 tahun. Bapanya, seorang guru agama dan pendakwah mengasah bakat Syeikh Badruddin dengan memberi peluang kepadanya mengajar penduduk kampung di surau kampung mereka. Sejak itu, Syeikh Baderudin terdedah dengan ilmu pengucapan awam sehingga menjadi sebahagian daripada darah dagingnya.

3. Kajian Pengucapan Dakwah

3.1 Persiapan

3.1.1 Latar belakang pengajian

Syeikh Baderudin terasuh dalam bidang pendidikan agama khususnya dalam pengajian Hadis dan al-Quran sejak di sekolah menengah sehingga di peringkat sarjana. Pendedahan ini menjadikan beliau seorang pakar dalam ilmu Hadis dan Tafsir. Justeru, beliau banyak memberi ceramah dan kuliah berkaitan dua bidang ini.

Asuhan dan didikan yang diterima sejak di sekolah menengah dan universiti menjadi bekal kepada beliau untuk menyampaikan ilmu-ilmu dakwah kepada masyarakat dengan lebih berkesan berpandukan kepada pengetahuan, kajian, rujukan dan keterlibatan secara serius terhadap al-Quran dan Hadis.

Tambahan, beliau mendapat didikan khusus daripada tokoh-tokoh ulama terkenal termasuk ayahandanya Syeikh Ahmad dan guru-gurunya yang alim sama ada di peringkat nasional dan antarabangsa seperti Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nikmat dan Syeikh Abu Hassan al-Nadawi. Antara kitab-

kitab besar yang menjadi kajian beliau ialah Kitab hadis *Sahih Bukhari* dan *Sahih Muslim* serta Kitab *Tafsir Baidawi*.

3.2.1 Latihan Berterusan

Syeikh Baderudin telah didedahkan dengan ilmu pengucapan awam sejak berumur 12 tahun. Malah, bapanya telah memberi kepercayaan kepada beliau untuk memberi kuliah agama pada setiap malam di surau pondok pengajian mereka. Berkat kesungguhan itu mengikis rasa malu dalam dirinya untuk berhadapan dengan masyarakat.

Didikan secara tidak formal tersebut dikukuhkan lagi dengan kursus secara insentif di peringkat universiti. Beliau telah dipertanggungjawabkan untuk berpidato sepanjang kuliahnya di pusat pengajian Nahdatul Ulama, India dalam bahasa Arab selama beberapa tahun. Peluang ini mengasah peribadinya untuk menjadi pemimpin masyarakat di masa kini.

Beliau juga sering membuat rujukan terhadap pemedato-pemedato dakwah khususnya di Negara-negara Arab. Gaya dan teknik mereka menjadi inspirasi kepada beliau untuk meningkatkan kualiti pengucapannya. Selain itu, beliau turut berusaha menghafaz hadis-hadis sahih sebanyak mungkin sebagai bekalan isi dakwahnya.

3.3.1 Rangka Kasar

Rangka kasar atau draf awal merupakan aspek pertama yang dipraktikkannya sebelum menyampaikan sebarang kuliah. Beliau turut memastikan kandungan yang bakal disampaikan kepada khalayak bersesuaian dengan tajuk dan pemikiran para pendengar. Baginya, ilmu yang disampaikan kepada pendengar perlu setaraf dengan ilmu dan pemikiran mereka agar ia benar-benar berkesan dan diamalkan.

Perkara ini memerlukan pemantauan dan persediaan awal sebelum pengucapan dilaksanakan. Beliau biasanya memperuntukkan waktunya untuk menyediakan bahan yang boleh dikongsi dengan masyarakat. Bagi kelas pengajian umum, beliau menggunakan kitab-kitab yang sesuai dengan golongan khalayak. Sebagai contoh, kelas umum bagi masyarakat kampung biasanya bersandarkan kepada kitab Imam Ghazali dan Imam Nawawi seperti *Bidayatul Hidayah* dan *Bustanul A'rifin* yang lebih sederhana berbanding kitab arab yang lain.

4. Persembahan / tarikan

Syeikh Baderudin dikenali sebagai tokoh yang lantang berpidato di kalangan masyarakat Malaysia khususnya di negeri Kedah. Beliau banyak

menggunakan teknik-teknik tertentu untuk keberkesanan pengucapannya. Antara teknik-teknik tersebut ialah:

4.1 Unsur Didikan

Setiap kuliah dan ceramah yang disampaikan oleh Syeikh Baderudin mempunyai unsur didikan dan pengajaran kepada khalayak. Malah, faktor ini mendorong beliau untuk bergelar sebagai pendakwah. Beliau banyak mendidik masyarakat khususnya masyarakat setempat agar mendalami ilmu tafsir dan Hadis bagi peningkatan amalan.² Didikan ini boleh dikesani melalui kata-katanya yang berhikmah.

Kebiasaannya, beliau memulakan ceramah dengan berdoa dan menghadihkan bacaan al-Fatehah kepada ruh kaum muslimin yang telah meninggal dunia. Kemudian, beliau membacakan potong ayat daripada al-Quran dan Hadis secara berlagu sebelum diikuti oleh khalayak pendengar.³ Metod ini sedikit sebanyak mendidik masyarakat untuk melazimi al-Quran dengan baik.

² Rujuk cd kuliah Tafsir Ar Rahman, Surah Asy-Syu'araak, ayat 83-89 oleh Syeikh Baderudin Hj Ahmad

³ Pengalaman penulis menghadiri kuliah Tafsir yang disampaikan oleh Syeikh Badruddin pada 16 Februari 2006

4.2 Ilmiah

Sebagai seorang sarjana, isi kandungan kuliahnya adalah berdasarkan kajian dan pengamatannya yang mendalam terhadap bidang agama termasuk bahasa Arab. Namun, beliau bijak menyesuaikan kandungan pengucapannya dengan keadaan khalayak melalui bahasa yang mudah, kesesuaian tajuk dan pendekatan yang sederhana.

4.3 Hubung-kait dengan sejarah

Syeikh Baderudin banyak mengaitkan kandungan pengucapannya dengan kisah sejarah para rasul, para sahabat serta sejarah umat terdahulu yang disebutkan di dalam al-Quran. Tambahan, beliau mendalami ilmu tafsir yang banyak menceritakan kisah-kisah di dalam al-Quran.

Selain itu, pengalaman tokoh-tokoh ulama terdahulu dijadikan bekal cerita kepada khalayak. Sebagai contoh, beliau menceritakan kisah seorang wanita yang termasuk dalam golongan ingkar kerana menzalimi seekor kucing. Kisah sebegini akan mendatangkan keinsafan terutama kepada masyarakat kampung agar memelihara adab sesama makhluk.⁴ Tambahan, beliau juga gemar menceritakan pengalamannya sendiri bagi memberi motivasi kepada pendengar terutama para pelajarnya agar berusaha gigih dalam menuntut ilmu.

⁴ *Ibid.*

4.4 Bahasa yang mudah

Bahasa merupakan elemen terpenting dalam penyampaian dakwah. Bahkan ia merupakan alat yang menentukan keberkesanan dalam pengucapan awam. Bahasa yang mudah akan senang diterima oleh khalayak.⁵ Allah Taala berfirman dalam surah an-Nahl bermaksud:

“Serulah ke jalan Tuhanmu dengan berhikmah, Berbicara dengan baik serta komunikasi yang berkesan.” (An-Nahl: 125)

Syeikh Baderudin yang gemar meneliti dan mengkaji pidato-pidato umum terutama di peringkat antarabangsa menjadikan mereka sebagai tauladan. Justeru, beliau bijak menggunakan bakatnya melalui penyampaian yang berkesan. Tambahan, khalayak pendengarnya terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat seperti pelajar universiti, golongan tua serta masyarakat awam. Bahasa yang sederhana merupakan pakej tarikan pengucapan dakwah beliau. Ini diakui oleh sebahagian besar para pelajarnya termasuk golongan tua yang tinggal di pondok pengajian beliau.⁶

⁵ Abdullah Hassan dan Ainon Muhammad, Teori dan Teknik Ucapan Berpengaruh, PTS Publication:Kuala Lumpur. Hal. 24

⁶ Temubual dengan beberapa pelajar Syeikh Baderuddin di Maktab Pengajian Islam, Hutan Palas.

4.5 Memahami khalayak

Selain faktor bahasa, Syeikh Baderuddin merupakan pendakwah yang memahami khalayak masyarakatnya. Menurut beliau, setiap penyampaian ilmunya mestilah sesuai dengan keadaan penerima. Justeru, beliau lebih memikirkan kesan ilmu kepada khalayaknya dengan memberikan fakta yang tepat, kisah-kisah yang memberi pengajaran serta galakan untuk berbuat baik.

Beliau yang hampir 30 tahun bertugas sebagai penceramah dan guru agama mempunyai khalayak pendengar yang terdiri daripada lapisan umur dan jantina. Pengalaman luasnya dalam bidang pengucapan memberi kelebihan kepada beliau memahami khalayak walaupun kadangkala dijemput secara mengejut.

5. Penutup

Kajian ini merupakan ringkasan penyelidikan terhadap pengucapan dakwah Dato' Syeikh Baderudin Hj Ahmad. Kajian ini mengkaji persembahan, tarikan dan keberkesanan pengucapan dakwah beliau sebagai tokoh dakwah masa kini.

Walaupun bagaimanapun, pengkaji merasakan kajian seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang sebagai panduan kepada para pendakwah khususnya golongan muda. Kajian ringkas ini secara umumnya hanya mendasari prospek pengucapan tokoh dari beberapa sudut dan ia boleh dilebarkan dengan kajian yang lebih khusus dan mendalam pada masa akan datang.

SENARAI RUJUKAN

1. Abdullah Hassan dan Ainon Mohd, *Teori & Teknik Ucapan Berpengaruh*, Pts Publication: Kuala Lumpur.
2. CD kuliah Tafsir Ar Rahman, Surah Asy-Syu'araak, ayat 83-89 oleh Syeikh Baderudin Hj Ahmad (1)
3. CD kuliah Tafsir Ar Rahman, Surah Asy-Syu'araak, ayat 83-89 oleh Syeikh Baderudin Hj Ahmad (2)

